

## **Presiden Dipilih: Saran agar isu agama, bangsa tidak dilibatkan dalam pemilihan**

***Berita Harian***, 26 April 2016

Memastikan perwakilan minoriti dalam pilihan raya Presiden terus menjadi topik utama dalam sesi perbincangan ketiga Suruhanjaya Perlembagaan, beberapa orang awam yang dijemput untuk berucap menyarankan agar isu agama dan bangsa tidak dilibatkan dalam pemilihan presiden.

Sementara ada pula yang mengatakan adalah penting untuk mempunyai perwakilan minoriti bagi memastikan kaum minoriti tidak rasa dikecualikan daripada mengundi kaum mereka sendiri.

Mengongsi pandangan beliau hari ini (26 Apr) ialah Dr Gillian Koh dari Institut Pengajian Dasar.

Dr Koh tidak setuju dengan saranan mengadakan pilihan raya Presiden untuk calon minoriti sahaja kerana ini bermakna Presiden yang akan dipilih akan dilihat sebagai wakil kaum minoriti semata-mata.

Tambah beliau, jika rakyat Singapura mengundi atas dasar kaum, ia hanya bermakna kita mengambil langkah ke belakang dalam mengecap aspek berbilang kaum.

Para wakil dari kumpulan hak asasi manusia Maruah juga berpendapat bahawa rakyat Singapura bersedia untuk memilih calon Presiden berdasarkan merit.

Sebaliknya, para profesor undang-undang dari NUS merasakan dengan tidak mepedulikan aspek perbezaan kaum boleh menyebabkan mereka dikecualikan daripada diundi menjadi Presiden.

Oleh itu, selain mempunyai seorang Presiden yang dipilih, mereka menyarankan agar melantik Majlis Presiden dianggotai tiga ahli yang akan bergilir-gilir menjadi Presiden selama dua tahun.

Mereka juga menyarankan bahawa calon Presiden tidak seharusnya mendapat sokongan politik dari para menteri juga AP kerana ia boleh mengelirukan pandangan orang awam tentang proses pilihan raya tersebut.